

KAEDAH PROMOSI DALAM PROGRAM RAKAN MUDA WAWASAN DESA

EZHAR TAMAM & SHARIFFAH MAMAT

ABSTRAK

Makalah ini berasakan kajian yang dijalankan bertujuan mengenalpasti kompetensi yang diperlukan di dalam program latihan pembangunan belia di Kementerian Belia dan Sukan Malaysia khususnya bagi program Rakan Muda Wawasan Desa anjuran Bahagian Pembangunan Rakan Muda. Kompetensi merujuk kepada kombinasi antara kemahiran, keupayaan dan pengetahuan yang diperlukan untuk menyediakan sesuatu tugas yang spesifik di dalam konteks tertentu. Kompetensi juga adalah hasil daripada gabungan pengalaman di mana kemahiran, keupayaan dan pengetahuan yang diperolehi daripada tugas yang pernah diamanahkan kepada seseorang individu. Walaupun di dapati bahawa latihan seumpama ini telah disediakan oleh bahagian ini, namun ianya kurang memberikan kepuashatian di kalangan peserta yang menyertai program ini. Justeru kerangka model keperluan latihan belia telah mengaplikasikan lima kompetensi yang terdiri daripada kompetensi kesihatan/fizikal, kompetensi personal/sosial, kompetensi pengetahuan/penaakulan/kreativiti, kompetensi vokasional dan kompetensi semangat patriotisme. Kajian ini turut menguji sama ada faktor gender mempengaruhi keperluan latihan di kalangan belia dengan menggunakan Ujian Perbandingan – t. Hasil kajian memberikan petunjuk bahawa kompetensi personal/sosial dan kompetensi semangat patriotisme diperlukan oleh belia. Manakala kompetensi kesihatan/fizikal dan kompetensi pengetahuan/penaakulan/kreativiti berada pada paras Agak Perlu. Sekalipun kompetensi vokasional berada pada skor terendah, namun kompetensi ini masih berada pada paras Agak Perlu. Kajian juga membuktikan bahawa faktor gender tidak mempengaruhi keperluan latihan. Ini bermakna bahawa keperluan yang sama rata diperlukan oleh kedua-dua gender lelaki dan perempuan. Sehubungan itu, kajian ini menjadi penanda aras bahawa keperluan latihan belia yang ingin dilaksanakan di kementerian ini haruslah bersandarkan kepada lima kompetensi ini bagi melahirkan generasi belia yang akan meneruskan kesinambungan pembangunan negara bangsa.

Kata Kunci: Kompetensi, Latihan, Belia

ABSTRACT

This study is intended to identify competencies needed for youth in Ministry of Youth and Sport Malaysia especially for Department of Rakan Muda Development. Competency is a combination of skills, ability and application of that knowledge and skill to standard of performance required. In other way, competency is a combination of experience which required skills, ability and knowledge from the job have been through. Although this kind of competency element has been applied in this

department, there is not enough satisfied by the person who joining the programme. In order to administer this study, five competency area been applied. There was Health/physical competence, Personal/social competence, Knowledge, reasoning and creativity Competence, Vocational Competence and Citizenship competency. This study tried to identify weather the factor of gender influence the needs for that competency applied. It has been tasted through t-test analysis. The result of this study indicate that Personal/social competence and Citizenship competency is needed for youth training programme. Therefore, Health/physical competence and Knowledge, reasoning and creativity Competence in a stage of in the middle range for youth training programme. Even though Vocational Competence in the lowest score but there is a necessary score range. The study also showed a gender is not factor to differentiated the needed for youth training. In particular, there was evidence that five of competencies suppose to be given fair either to male or female. This study measure that training programme for youth applied by this ministry have to be offered on youth based on five area of competency. This is very important to our nation and country to make sure that we served a better place for the next young generation.

Keywords: Competency. Training, Youth

PENDAHULUAN

Pengenalan

Konsep pembangunan belia adalah satu proses pembangunan di mana ia melibatkan usaha melengkapkan diri golongan belia bagi menghadapi cabaran sebagai seorang semakin dewasa melalui koordinasi, aktiviti yang progresif dan berterusan serta pengalaman yang akan memandu mereka menjadi seorang yang mempunyai ciri kompetensi dari segi sosial, moral, emosi, fizikal dan tahap pemikiran (Harison, 2003). Pandangan ini disokong oleh Samsudin et. al (2006) dengan pandangan yang mengatakan belia bolehlah diumpamakan sebagai permata yang masih belum digilap. Nilai dan kepentingannya hanya dikenalpasti setelah digilap dan dibentuk mengikut kesesuaiannya. Pembangunan belia positif memerlukan gilapan dan asuhan program yang dinamik, usaha yang bersepadu dan keterlibatan yang berpanjangan. (Samsudin A. Rahim et. al. (2006).

Bahagian Pembangunan Rakan Muda merupakan satu organisasi di dalam Kementerian Belia dan Sukan (KBS) yang bertindak sebagai kuasa eksekutif untuk merancang, melaksana dan mengawalselia program-program pembangunan khas kepada kumpulan sasaran iaitu belia yang berumur 15 hingga 40 tahun. Sungguhpun takrifan belia mengikut Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) merujuk kepada mereka yang berumur 15 hingga 25 tahun. (*United Nation Educational, Scientific and Cultural Organization*, 2006) dan Pertubuhan Komanwel pula merujuk kepada mereka yang berumur antara 15 hingga 29 tahun. (*Commonwelth Youth Programme, Strategic Plan*, 2003-2006), kajian ini menggunakan definisi belia yang berumur antara 15 tahun hingga 40 tahun. Ini adalah kerana Dasar Pembangunan Belia

Negara, 1997 mentakrifkan umur belia sebagai mereka yang berumur 15 hingga 40 tahun.

Satu kajian yang dijalankan oleh Institut Penyelidikan Pembangunan Belia Malaysia (IPPBMB) bertujuan meninjau pendapat masyarakat Malaysia tentang takrifan umur belia di Malaysia mendapati 92 peratus responden bersetuju memberi pengertian kepada umur belia iaitu kepada individu yang berumur 15 hingga 40 tahun (IPPBMB, 2005). Terbukti bahawa suara majoriti sebulat suara bersetuju mentakrifkan umur belia kepada mereka yang berumur antara 15 hingga 40 tahun sahaja. Dapatan kajian ini menyokong takrifan umur belia sebagaimana dipersetujui di dalam Dasar Pembangunan Belia Negara 1997.

Berdasarkan sumber maklumat Jabatan Perangkaan Malaysia (2006) jumlah penduduk Malaysia adalah seramai 26.13 juta orang dan unjuran pada 2010 di dalam Rancangan Malaysia Kesembilan (2006-2010) penduduk Malaysia adalah seramai 28.96 juta orang. Daripada jumlah penduduk Malaysia (26.13 juta orang), sejumlah 11.10 juta (42.5 peratus) adalah terdiri daripada golongan belia yang berumur 15 hingga 40 tahun. (Samsudin et al. 2007).

Jika diperhalusi populasi belia di Malaysia yang berjumlah seramai 11.10 juta orang pada tahun 2005, jumlah belia lelaki adalah seramai 5.6 juta dan belia perempuan adalah seramai 5.5 juta orang. Jumlah ini menunjukkan peningkatan yang memberangsangkan jika dibandingkan dengan populasi mengikut jantina pada tahun 2000 di mana belia lelaki adalah seramai 4.99 juta orang dan belia perempuan seramai 4.86 juta orang (Jabatan Perangkaan Malaysia mengikut Banci Penduduk 2000).

Dasar Pembangunan Belia Negara (2007) Kementerian Belia dan Sukan telah menggariskan panduan yang dapat memberi peluang dan ruang kepada semua pihak dalam merancang dan melaksanakan program untuk memperkasa pembangunan belia. Strategi perlaksanaan termasuklah:-

- Menyediakan program keilmuan dan latihan kepada generasi muda yang dianjurkan bersama oleh agensi sektor awam, swasta, pertubuhan belia dan pertubuhan bukan kerajaan.
- Mengukuhkan program pembangunan kepimpinan dan bina sahsiah bagi membina kekuatan diri, institusi kekeluargaan, keagamaan dan kemasyarakatan supaya generasi belia dapat berperanan dengan berkesan.
- Memantapkan program latihan kemahiran, peluang perniagaan dan keusahawanan supaya generasi belia mampu berdikari dan membina kerjaya yang cemerlang.
- Mengupayakan pertubuhan belia supaya dapat menarik minat golongan belia dan masyarakat menyokong dan menyertai aktiviti yang dianjurkan.

- Menyediakan peluang dan kemudahan kepada golongan belia untuk memajukan diri dalam bidang sosial dan ekonomi.
- Meningkatkan semangat kesukarelaan dan patriotisme melalui kerja-kerja amal, kebajikan dan kemasyarakatan.
- Memberi kefahaman generasi belia tentang konsep persejagatan (globalisasi) dan kepentingan hubungan mereka dengan agensi kerajaan, swasta, pertubuhan belia dan pertubuhan bukan kerajaan serta jaringan antarabangsa.
- Menyediakan prasarana dan mekanisme yang sesuai bagi kegiatan penyelidikan belia termasuk pemantauan dan penilaian.

Semua program dan aktiviti diselaraskan berasaskan strategi dan pelan tindakan yang telah ditentukan berteraskan kepada prinsip-prinsip Rukun Negara dan dasar-dasar utama negara yang berkaitan. Griffin (1997) menyebut bahawa remaja/belia adalah indikator keadaan sesebuah negara dan menggambarkan kemajuan atau kemunduran dalam ekonominya, perubahan dari segi nilai budaya terhadap seksualiti, moral dan kehidupan berkeluarga, konsep tentang kenegaraan dan struktur pekerjaan (Samsudin 2008).

Sehingga kini program pembangunan belia telah melaksanakan pelbagai bentuk program. Menurut Rouda (1995), analisis keperluan (*need assessment*) adalah satu eksplorasi yang sistematik terhadap sesuatu '*perkara*' untuk mengenalpasti keperluan dan bagaimana sepatutnya ia ditadbir. '*Perkara*' yang dimaksudkan adalah merujuk kepada prestasi organisasi dan/ataupun individu.

Bagi memenuhi tuntutan tanggungjawab terhadap pembangunan belia negara, Bahagian Pembangunan Rakan Muda telah merencanakan program yang dinamakan sebagai Program Rakan Muda Wawasan Desa (RMWD). Program ini menggunakan pendekatan berasaskan komuniti (*community driven programme*) iaitu satu gerakan baru dalam pembangunan belia. Di dalam program ini, pelajar IPT di seluruh negara dijadikan sebagai "*stakeholder*" baru dalam siri pembangunan belia. Pelajar yang mengikuti program ini akan diserahkan kepada keluarga angkat di lokasi-lokasi terpilih bagi menjalani pendidikan dan latihan tidak formal berkaitan pelbagai perkara. Purta (2006) berpandangan bahawa penguasaan sesuatu ilmu pengetahuan atau kemahiran tidak terhad kepada satu dokumen yang standard sahaja.

Mereka akan menjalani aktiviti dan latihan berdasarkan modul yang telah ditetapkan oleh pihak Kementerian Belia dan Sukan. Antara pengisian modul yang diseragamkan di semua peringkat pelaksanaan adalah seperti Modul Kampungku Syurgaku, Lawatan Industri, motivasi pelajar sekolah, latihan kecergasan dan sukaneka di samping menjayakan majlis perasmian dan penutupan majlis bersama pemimpin tempatan. Ini tidak termasuk dengan jaringan komunikasi dan hubungan yang dibina sebelum program ini berlangsung. Kerjasama, kesepakatan, toleransi dan hormat menghormati disepadukan bagi menjayakan program ini dan pada waktu yang sama selari dengan matlamat dan hasrat pihak kementerian.

Permasalahan kajian

Menurut Samsudin (2008), Program Rakan Muda yang dianjurkan oleh Kementerian Belia dan Sukan Malaysia adalah sebagai satu alat kawalan sosial untuk melahirkan generasi muda yang mempunyai harga diri dan keyakinan diri dalam mengharungi apa jua cabaran pada masa akan datang bagi mencapai inspirasi negara. Justeru kajian ini ingin memahami dan mengenalpasti keperluan belia berdasarkan perkara-perkara berikut:-

- (1) Apakah kaedah promosi yang digunakan untuk menarik minat peserta menyertai program Rakan Muda Wawasan Desa?
- (2) Apakah kualiti hubungan antara peserta dengan masyarakat?
- (3) Apakah latihan yang perlu dijalankan di dalam program Rakan Muda Wawasan Desa di dalam usaha memenuhi kemahuan belia itu sendiri?
- (4) Adakah faktor gender mempengaruhi keperluan program pembangunan belia?

Sekiranya penggubal dasar dan pelaksanaan program pembangunan belia telah mengetahui dengan jelas kompetensi yang bagaimanakah benar-benar diperlukan oleh belia sebagai *stakeholder*, adalah mudah bagi mereka untuk merencana dan melaksanakan program mengikut kehendak dan keperluan serta permintaan semasa. Kusy (1995), menegaskan bahawa keperluan sebenar tidak selalunya sama dengan jangkaan keperluan. Sebaliknya kita perlu melihat apa yang dikehendaki oleh organisasi dan individu. Ini kerana mereka mungkin tidak mengetahui apa sebenarnya yang mereka mahukan tetapi sebenarnya mereka mempunyai keinginan yang tinggi terhadap apa sebenarnya yang mereka mahukan.

Objektif kajian

Secara umumnya kajian ini diadakan bertujuan untuk mengenalpasti keperluan latihan di kalangan belia yang perlu dilaksanakan di dalam program pembangunan belia. Antara lain kajian ingin merungkai perkara-perkara yang berikut:-

- (1) Menenalpasti kaedah promosi yang digunakan untuk menarik minat peserta menyertai program Rakan Muda Wawasan Desa?
- (2) Menenalpasti kualiti hubungan antara peserta dengan masyarakat?
- (3) Menenalpasti keperluan latihan di kalangan belia menerusi Program Rakan Muda Wawasan Desa.
- (4) Menenalpasti sama ada keperluan latihan berbeza mengikut faktor gender di kalangan peserta Program Rakan Muda Wawasan Desa.

Kerangka konseptual

Menurut Jordan dan Norman (2006), terdapat lima (5) domain kompetensi yang diperlukan oleh belia di dalam pembangunan belia positif dan sebagai persediaan menghadapi cabaran menuju dewasa. Antaranya adalah Kompetensi kesihatan/

fizikal, Kompetensi sosial/personel, Kompetensi pengetahuan, penolakan dan kreativiti, Kompetensi Vokasional dan Kompetensi Semangat Patriotisme (Sila rujuk rajah 1).

Rajah 1: Kerangka Konseptual Keperluan Latihan dalam Program Rakan Muda Wawasan Desa (RMWD)



Kompetensi adalah pencapaian terbaik apabila belia memainkan peranan secara aktif dalam menyumbang kepada kualiti diri, keluarga, jiran, sekolah dan komuniti. Adalah menjadi tanggungjawab kita semua untuk menyediakan peluang kepada belia kita untuk mengasah peranan dan menerima sokongan dan penghargaan kepada mereka di atas sumbangan mereka (*Dane County Department*, 2008). Menurut Samsudin et. al. (2006) pembangunan belia perlu dilihat daripada aspek mencungkil potensi yang ada pada diri belia bukan lagi tertumpu kepada menyelesaikan masalah-masalah sosial yang dihadapi belia.

Menurut kajian yang dijalankan oleh *National Postsecondary Education Cooperative* (NPEC, 2002), berjudul *Defining and Assessing Learning: Exploring Competency-Bases Initiative*, kompetensi adalah kombinasi antara kemahiran, keupayaan dan pengetahuan yang diperlukan untuk menyediakan sesuatu tugas yang spesifik di dalam konteks tertentu. Kompetensi juga adalah hasil daripada gabungan pengalaman di mana kemahiran, keupayaan dan pengetahuan yang diperolehi daripada tugas yang pernah diamanahkan kepada seseorang individu.

Kompetensi adalah penting di dalam usaha membangunkan belia di dalam organisasi memandangkan melalui inisiatif tersebut akan membolehkan kita mengetahui apa yang belia tahu dan bagaimana untuk menyediakan keperluan belia mengikut kompetensi masing-masing. Justeru, pihak perancangan boleh mengenalpasti apakah bentuk kompetensi yang penting kepada golongan belia bagi menghadapi cabaran hidup di alam dewasa kelak.

Pembentukan kompetensi program belia yang menitikberatkan penglibatan belia di dalam aktiviti yang bermakna akan menjana integrasi dan hubungan positif di antara kumpulan sosial. Khlayak belia akan merasai diri mereka dipunyai dan bernilai sekiranya mereka mendapat peluang untuk melibatkan diri dengan pengalaman yang produktif di dalam pendidikan, sosial, vokasional, sivik dan pelbagai aspek kehidupan yang lain. Usaha membangunkan kompetensi program pembangunan belia juga telah merumuskan bahawa terdapat tiga (3) kunci kejayaan bagi mencapai matlamat tersebut iaitu belia melibatkan diri secara aktif dengan aktiviti-aktiviti yang bersifat positif, belia mendapat sokongan keluarga, rakan sebaya dan orang dewasa serta belia diberikan penghargaan di atas pencapaian bidang kemahiran yang mereka miliki (*Dane County Department*, 2008).

Malah di dalam Indeks Belia Malaysia (IBM 2006) yang merupakan komposit memantau kualiti dan kesejahteraan hidup belia menjadikan indikator kemahiran sebagai salah satu domain bagi mengukur potensi diri belia. IBM 2006 mendapati indikator kemahiran belia Malaysia berada pada skor Baik, iaitu 58.8 dan perlu diperbaiki di dalam aktiviti/program pembangunan belia anjuran KBS.

- (a) **Kompetensi kesihatan/fizikal:** Merujuk kepada kemahiran dalam pengetahuan yang bersesuaian dengan kesihatan dan pembinaan fizikal. Belia yang mengikuti program belia seharusnya mempunyai kompetensi dalam pengetahuan yang bersesuaian terhadap kesihatan dan pembinaan fizikal yang boleh menyumbang kepada pembangunan Negara. Di samping itu, mereka juga perlu dipersiapkan dengan program yang akan memandu mereka mempunyai sikap dan tingkahlaku positif bagi memastikan kesejahteraan hidup mereka masa kini dan akan datang.

Kajian daripada IBM 2006 menunjukkan domain kesihatan generasi belia Malaysia kini berada pada paras Sangat Baik iaitu pada skor 97.7. Kompetensi kesihatan yang baik memberi petanda bahawa belia Malaysia berupaya untuk menyumbang kepada pertumbuhan dan pembangunan negara di dalam pelbagai aspek. Bukan sahaja aspek kesihatan malah aspek-aspek lain yang terlibat di dalam pembangunan negara secara relatifnya akan turut berkembang pesat. Rasionalnya, negara yang mempunyai modal insan yang sihat secara fizikal akan membantu pertumbuhan ekonomi dan menjayakan hasrat pembangunan negara.

Manakala dari segi fizikal pula, penglibatan belia dalam aktiviti bersukan dan bersenam perlu diberikan galakan dan sokongan daripada pihak yang bertanggungjawab. Malaysia sebagai sebuah negara yang aman makmur memberikan ruang dan peluang yang begitu banyak kepada golongan belia dalam menonjolkan bakat di dalam aktiviti fizikal. Pusat-pusat rekreasi dijadikan sebagai salah satu syarat kepada pihak pemaju perumahan di dalam membekalkan tenaga muda negara dalam keadaan sihat fizikal dan mental.

- (b) **Kompetensi Personal/Sosial:** Merujuk kepada kemahiran membina hubungan di kalangan khalayak ramai. Sosial kompetensi merupakan kemahiran dan pengetahuan yang diperlukan di dalam program belia untuk dijadikan panduan kepada belia menempuhi transisi umur belia ke peringkat yang lebih matang dan dewasa. Menurut Bazemore dan Terry (2001), pendekatan program pembangunan belia positif memberikan peluang kepada pembangunan kompetensi belia negatif menjadi lebih produktif dan efektif di dalam menjalankan peranan dan tanggungjawab. Pendekatan ini tidak boleh dicapai melalui satu program sahaja malah ia perlu berterusan dan signifikan. Pendekatan ini termasuklah pencegahan kepada pendedahan belia kepada perkara negatif seperti antisosial. Langkah pencegahan adalah tidak terbatas dan boleh dizahirkan melalui pendidikan, kemahiran sosial, pekerjaan, kesedaran sivik dan kemahiran yang boleh mengubah belia daripada liabiliti kepada aset negara.

Menurut beliau lagi, secara teorinya konteks program pembangunan belia adalah mengikut logik. Program pembangunan belia tidak tertumpu hanya kepada persoalan mengapa belia terlibat dengan tingkah laku delinkuan, tetapi lebih kepada pendekatan mengenalpasti keperluan asas dan bukannya menyelesaikan masalah belia. Malah program pembangunan belia perlu menyediakan belia dengan kemahiran dan kompetensi sosial di dalam usaha melatih mereka menjadi lebih produktif dan efektif terhadap aktiviti dan tanggungjawab serta nilai mereka di dalam hirarki sosial.

Mengikut Richard, (2005) golongan belia yang mempunyai kelemahan di dalam kompetensi sosial mempunyai kecenderungan untuk tidak berjaya atau gagal dalam kehidupan atau kerjaya. Sehubungan itu, program pembangunan belia perlu bertunjangkan kepada kompetensi sosial yang akan memandu mereka menjalani kehidupan yang baik dan berjaya di dalam bidang kerjaya yang mereka ceburi.

Goldstein dan Pollock (1988), telah merangka penilaian untuk mengukur kemahiran atau kompetensi sosial yang diperlukan di dalam interaksi sosial bagi sesebuah kumpulan. Beliau berpandangan bahawa terdapat dua kompetensi sosial yang diperlukan oleh seseorang belia atau dewasa untuk berinteraksi secara aktif dengan rakan sebaya, keluarga mahupun bersama masyarakat. Kompetensi yang dimaksudkan adalah kompetensi environmental dan kompetensi interaksi sosial.

- (c) **Kompetensi Pengetahuan/Penaakulan/Kreativiti:** Merujuk kepada kebolehan menerima dan menghasilkan sesuatu yang baru. Kompetensi ini merupakan kompetensi asas kepada pengetahuan, kemahiran mengaplikasikan pengetahuan, pendidikan sepanjang hayat dan keupayaan untuk menghargai dan meluahkan ekspresi kreatif di dalam diri seseorang belia. Generasi belia perlu disokong di dalam usaha mereka untuk

merealisasikan dan meluahkan kemahiran mereka di dalam kehidupan sebenar mereka. Kehidupan sebenar mereka termasuklah di kalangan ahli keluarga, rakan sebaya, kerjaya, masyarakat dan sebagainya. Menurut Dane County (2008), semakin dekat generasi belia kepada persekitaran yang membenarkan mereka menzahirkan kemahiran sebenar mereka, semakin mudah untuk mereka menonjolkan tingkahlaku dan kemahiran dalaman mereka pada masa akan datang. Malah proses untuk menggilap bakat dan kemahiran yang ada pada generasi belia termasuklah menyediakan peluang kepada mereka untuk mengamalkannya di dalam persekitaran kehidupan mereka sehari-harian.

Menurut Caplan et al. (1992), Pembangunan Belia Positif berfokus kepada pembangunan kompetensi sosial yang akan digunakan di dalam menolak sesuatu gejala negatif. Kajian eksperimental yang dijalankan ke atas 282 orang responden sebagai *control group* menunjukkan kumpulan yang menerima pendidikan kurikulum berbentuk menangani stress, membina *self-esteem*, menangani masalah, maklumat kesihatan, asertif dan sokongan sosial membantu mereka menangani masalah dan sebagai satu kompetensi dalam kehidupan mereka.

- (d) **Kompetensi Vokasional:** Merujuk kepada kebolehan dan penguasaan di dalam kemahiran tertentu. Kemahiran vokasional adalah satu proses kemahiran sebagai persediaan generasi belia memasuki alam pekerjaan mahupun untuk kegunaan dalam kehidupan seharian.
- (e) **Kompetensi Semangat Patriotisme:** Merujuk kepada rasa cinta dan kesetiaan kepada negara. Kemahiran semangat patriotisme menuntut generasi belia untuk memahami sejarah dan nilai penyatuan seluruh rakyat, negara, komuniti, bangsa dan warisan kebudayaan. Semangat kecintaan kepada tanah air memerlukan komitmen setiap warga negara tanpa kecuali. Menurut Samsudin et. al (2006) di dalam Indeks Belia Malaysia (IBM), semangat patriotisme adalah perasaan cinta yang kuat terhadap tanah air tercinta. Kajian tersebut mendapati indikator semangat patriotik di kalangan belia Malaysia berada pada skor Baik iaitu 68.2 dan perlu diperbaiki dengan aktiviti/program yang boleh menanam rasa cinta kepada kemerdekaan dan kedaulatan Negara.

Kajian yang dijalankan oleh Kolej New Era terhadap belia yang berfokus di sekitar Negeri Selangor mendapati belia mengakui bahawa mereka adalah seorang warganegara Malaysia yang baik dan setia kepada negara dengan membuang undi pada Pilihanraya Umum ke-12 yang diadakan pada 8 Mac 2008 (*Young Malaysian*).

METODOLOGI KAJIAN

Lokasi kajian

Kajian akan dijalankan ke atas peserta program Rakan Muda Wawasan Desa (RMWD) yang terdiri daripada tiga universiti terpilih diadakan di Negeri Selangor. Beberapa lokasi kajian dikenalpasti berdasarkan daerah kendalian Kementerian Belia dan Sukan. Di dalam Negeri Selangor terdapat sembilan (9) buah daerah iaitu Hulu Langat, Kuala Selangor, Gombak, Sepang, Sabak Bernam, Hulu Selangor, Petaling, Klang dan Kuala Langat. Kajian dijalankan di lokasi kajian yang menjalankan program Rakan Muda Wawasan Desa di sepanjang bulan Julai dan Ogos 2008.

Walaupun begitu, program anjuran Bahagian Pembangunan ini adalah berlangsung sepanjang tahun iaitu bermula Januari hingga Disember. Namun disebabkan oleh limitasi pengajian, kajian lebih tertumpu di lokasi yang menjalankan program ini bermula pada bulan Julai hingga Ogos sahaja.

Populasi dan persampelan

Populasi menurut Sidek (2002) adalah semua kes atau subjek yang kita minat untuk mengkajinya. Populasi kajian ini yang telah dikenalpasti adalah terdiri daripada semua peserta yang menjalani program ini di seluruh Negeri Selangor. Teknik persampelan secara rawak digunakan di dalam kajian ini di mana kebarangkalian setiap peserta program mempunyai kebarangkalian yang sama untuk dipilih menjadi. Responden terdiri daripada peserta-peserta yang mengikuti program Rakan Muda Wawasan Desa (RMWD) di sekitar Negeri Selangor.

Berdasarkan maklumat yang diperolehi daripada Bahagian Pembangunan Rakan Muda Kementerian Belia dan Sukan, terdapat tiga (3) IPT yang terlibat di dalam program ini. Antaranya Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM), Universiti Malaya (UM) dan Universiti Teknologi MARA (UiTM Shah Alam). Jumlah program bagi setiap IPT adalah UIAM lapan (8) program, UM enam (6) program dan UiTM Shah Alam lima (5) program. Jumlah keseluruhan program di Negeri Selangor adalah 19 program. Rasional pemilihan program anjuran Rakan Muda memandangkan bahagian ini telah melancarkan Program Rakan Muda Fasa II sebagai satu refleksi dan respon kepada kehendak dan tuntutan semasa belia.

Manakala jumlah keseluruhan peserta program yang terlibat di dalam Negeri Selangor adalah seramai 40 orang bagi setiap program. Ini bermakna di dalam Negeri Selangor terdapat 760 orang peserta yang akan diserahkan kepada keluarga angkat masing-masing. Namun begitu, kajian ini hanya akan mengambil sampel seramai 260 orang dengan menggunakan 95 peratus tahap kepercayaan yang merujuk kepada jadual persampelan Krejcie dan Morgan (1970).

Menurut Krejcie dan Morgan (1970) teknik persampelan yang dipilih secara rawak daripada populasi yang diketahui bilangannya secara tepat dengan 95 peratus aras keyakinan.

“The ever increasing demand for research has created a need for an efficient method of determining the sample size needed to be representative of a given population”.

Penentuan saiz sampel diambilkira bagi tujuan mencukupkan dan mewakili kesemua sampel kajian dalam mewakili sesebuah populasi kajian. Menurut Babbie (2001), persampelan secara rawak memberikan kebarangkalian yang sama rata di kalangan semua responden untuk dijadikan sebagai sampel kajian. Persampelan ini akan mewakili populasi memandangkan mereka menjalankan aktiviti mengikut modul yang sama di setiap lokasi program.

Instrumen kajian

Kajian akan menggunakan borang soal selidik sebagai instrumen kajian. Kaedah pengumpulan data secara kuantitatif ini akan dibina dengan menggunakan *close-ended question* bagi memudahkan usaha menganalisis data kajian dilakukan. *Statistic Packages for Social Science* (SPSS) akan digunakan di dalam mentadbir dan menganalisis data. Item yang digunakan sebagai instrumen kajian adalah merujuk kepada item yang telah digunakan oleh kajian terdahulu yang dikendalikan oleh Institut Penyelidikan Pembangunan Belia Malaysia (IPPBM), 2006 dan Jauhari Sukandar (1993). Item yang digunakan telah diubahsuai merujuk kepada kesesuaian pelaksanaan modul program yang telah dijalankan. (Sila rujuk Jadual 1).

Jadual 1: Keterangan Instrumen Kajian

Bahagian	Item	Keterangan/Sumber
A	8	Soalan yang diajukan bertujuan untuk mengenalpasti profil responden seperti lokasi, daerah, IPT penganjur, jantina, bangsa, umur, bilangan penglibatan dengan program anjuran Bahagian Pembangunan Rakan Muda dan aktiviti yang dilaksanakan sewaktu program.
B	10	Soalan yang dikemukakan untuk menguji bentuk promosi, pendorong dan lapan (8) kualiti hubungan komunikasi yang merujuk kepada (Jauhari Sukandar, 1993).
C	30	Soalan yang dikemukakan bertujuan untuk menguji tahap kepentingan lima (5) kompetensi latihan kepada responden merujuk kepada Goldstein dan Pollock (1988) dan Indeks Belia Malaysia (IBM), (2006 dan 2008).
D	32	Soalan yang diajukan bagi mengukur tahap kepuasan lima (5) kompetensi latihan kepada responden merujuk kepada Goldstein dan Pollock (1988) dan Indeks Belia Malaysia (IBM), (2006 dan 2008). Bahagian ini juga menggunakan bentuk <i>open-ended</i> bagi mengenalpasti cadangan dan harapan responden setelah mengikuti program ini.

Pembolehubah

Kaedah pengukuran yang akan digunakan menggabungkan teknik skala pengukuran nominal seperti lokasi kajian, jantina dan umur. Manakala skala ordinal yang digunakan adalah dengan menggunakan *likert scale*.

Pengukuran tahap komunikasi yang diamalkan di dalam program ini diukur dengan menggunakan *likert scale* seperti Sangat Tidak Setuju, Tidak Setuju, Agak Setuju, Setuju dan Sangat Setuju. Sementara itu bagi mengukur tahap kepentingan kompetensi latihan kepada responden, pengkaji telah menggunakan lima *likert scale* iaitu (Sangat Tidak Penting, Tidak Penting, Agak Penting, Penting dan Sangat Penting). Manakala bagi mengukur tahap kepuasan responden terhadap kompetensi bagi program ini pengkaji menggunakan *likert scale* seperti Sangat Puashati, Puashati, Agak Puashati, Tidak Puashati dan Sangat Tidak Puashati. Sehubungan itu, skala yang digunakan untuk mengukur keperluan adalah Sangat Tidak Perlu, Tidak Perlu, Agak Perlu, Perlu dan Sangat Perlu.

Lima (5) pembolehubah yang telah dikenalpasti bagi mengukur kompetensi program pembangunan belia. Antaranya ialah Kompetensi Fizikal/Kesihatan, Kompetensi Sosial dan komunikasi interpersonal, Kompetensi pengetahuan dan kreativiti, Kompetensi Vokasional dan Kompetensi Semangat Patriotisme.

Kesahan dan kesahihan instrumen

Bagi menguji kesahan dan kesahihan instrumen kajian, ujian *reability* dan *validity* telah dijalankan ke atas instrumen kajian ini dengan bantuan *Statistical Packages for Social Science* (SPSS). Berdasarkan kajian didapati bahawa kelima-lima pembolehubah tersebut mempunyai nilai kesahan (*reability*) yang tinggi apabila melebihi secara puratanya .896. Ia dibuktikan dengan alat ujian bagi mengukur Kompetensi Kesihatan/Fizikal .907 dengan menggunakan enam (6) item. Kompetensi Personal/Sosial .923 dengan menggunakan lapan (8) item. Manakala Kompetensi Pengetahuan/Penaakulan/Kreativiti .887, Kompetensi Vokasional .839. Masing-masing menggunakan empat (4) item. Manakala bagi Kompetensi Semangat Patriotisme dengan menggunakan lapan (8) item nilai kesahan (*reability*) adalah .924. (Sila rujuk Jadual 2).

Jadual 2: Ujian Kesahan Instrumen Kepentingan Kompetensi Latihan

Pembolehubah	Crobranch's Alpha	Item (N)
Kesihatan/Fizikal	.907	6
Personal/Sosial	.923	8
Pengetahuan/penaakulan/kreativiti	.887	4
Vokasional	.839	4
Semangat patriotisme	.924	8

Begitu juga alat ujian yang digunakan untuk mengukur kepuasan responden kajian ini terhadap latihan yang dijalani di dalam program Rakan Muda

Wawasan Desa. Purata nilai kesahan adalah .967. Instrumen yang sama digunakan untuk mengukur tahap kepuasan peserta terhadap program latihan yang dijalankan di sepanjang mengikuti program ini.

Nilai kesahan bagi Kompetensi Kesihatan/Fizikal adalah .954 dengan menggunakan enam (6) item, Kompetensi Personal/Sosial .982 dengan menggunakan lapan (8) item, Kompetensi Pengetahuan/Penaakulan/Kreativiti masing-masing empat (4) item iaitu .974 dan .941. Manakala bagi Kompetensi Semangat Patriotisme menggunakan lapan (8) item menunjukkan nilai kesahan .985 (Sila rujuk Jadual 3).

Ini membuktikan bahawa alat ujian ini benar-benar tepat untuk digunakan sebagai instrumen kajian. Tambahan lagi kajian ini telah menggunakan instrumen yang telah diuji kesahannya. Bagi tujuan kajian ini, alat ujian tersebut diubahsuai mengikut kesesuaian responden kajian yang telah dikenalpasti tahap pemahaman mereka.

Jadual 3: Ujian Kesahan Instrumen Kepuasan Kompetensi Latihan

Pembolehubah	Crobach's Alpha	Item (N)
Kesihatan/Fizikal	.954	6
Personal/Sosial	.982	8
Pengetahuan/penaakulan/kreativiti	.974	4
Vokasional	.941	4
Semangat patriotisme	.985	8

Kaedah Pengumpulan Data

Data kajian dikumpulkan melalui satu set borang selidik yang telah diedarkan kepada peserta program Rakan Muda Wawasan Desa (RMWD) di Negeri Selangor. Temubual secara bersemuka telah dijalankan sewaktu mengisi borang soal selidik kajian bagi mendapatkan maklumat yang lebih tepat daripada setiap peserta program yang menjadi responden kajian.

Maklumat tentang tarikh dan tempat pelaksanaan program di sepanjang tempoh kajian diperolehi daripada Pegawai Rakan Muda di setiap daerah di dalam Negeri Selangor. Bagi mengelakkan masalah pertindihan jadual pelaksanaan program yang hampir kesemuanya berjalan serentak di setiap daerah, pengkaji telah memilih lokasi yang berhampiran bagi setiap program. Ia juga sebahagian daripada usaha mendapatkan jumlah responden sepertimana yang diperlukan di dalam sampel kajian. Data yang diperolehi di analisis secara kualitatif dengan menggunakan SPSS.

HASIL KAJIAN DAN PERBINCANGAN

Ciri-ciri Demografi Responden

Ciri-ciri demografi responden bagi kajian ini diklasifikasikan mengikut umur,

bangsa, jantina, daerah, lokasi dan IPT penganjur. Berdasarkan hasil kajian, (Jadual 5) jumlah keseluruhan responden adalah seramai 115 orang.

Berdasarkan jumlah tersebut, pengkaji mendapati bahawa jantina perempuan lebih mendominasi penyertaan di dalam Program Rakan Muda Wawasan Desa (RMWD) iaitu 53 peratus berbanding penyertaan lelaki (47 %). Dapatan yang sama diperolehi daripada kajian yang dijalankan oleh IPPBM terhadap pembabitan belia dalam Program Rakan Muda Jiran Muda (RMJM) anjuran Kementerian Belia dan Sukan yang mendapati 64 peratus penyertaan adalah daripada jantina perempuan berbanding 36 peratus adalah jantina lelaki. Berdasarkan statistik pengambilan pelajar seluruh IPTA pada 2007 daripada Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia, sejumlah 154,476 orang lelaki dan 228,521 orang pelajar perempuan telah mendaftar di seluruh IPTA.

Data statistik ini menunjukkan bahawa pelajar perempuan telah menguasai tempat di IPTA. Ini membuktikan pelajar lelaki perlu diberi galakan yang lebih supaya berminat dengan program-program yang bertujuan untuk membangunkan diri dan peluang kerjaya mereka.

Dari segi umur, pengkaji mendapati majoriti penyertaan adalah daripada responden yang berumur 21 tahun hingga 23 tahun (63%) berbanding responden berumur 18 tahun hingga 20 tahun (37%). Dapatan ini adalah selaras dengan umur pelajar di universiti iaitu di antara 18 tahun hingga 23 tahun. Kecenderungan responden yang terdiri daripada pelajar yang berumur 21 tahun hingga 23 tahun adalah memandangkan mereka terdiri daripada pelajar Tahun II dan Tahun III di semua IPTA. Pelajar Tahun I kurang melibatkan diri dengan aktiviti di IPTA mereka memandangkan mereka belum terdedah dengan aktiviti-aktiviti yang merangsang perkembangan mereka. Pada tahap ini mereka lebih cenderung untuk menyesuaikan diri dengan suasana baru di kampus. Bagi pelajar senior pula, mereka perlu terlibat secara aktif dengan aktiviti di IPT yang menjadi sebahagian daripada prasyarat untuk kekal mendapat tempat di kampus kediaman pelajar yang ternyata lebih jauh menguntungkan mereka berbanding terpaksa menyewa di luar kampus.

Dilihat dari penglibatan mengikut bangsa, majoriti (100%) responden adalah daripada keturunan Melayu. Hal ini berlaku memandangkan peserta program adalah majoritinya adalah pelajar Melayu.

Jika dilihat berdasarkan daerah, pengkaji mendapati majoriti (42%) responden adalah peserta program yang menyertai program ini di daerah Hulu Langat berbanding daripada daerah-daerah lain. Peratusan responden daripada daerah Hulu Langat paling ramai terlibat di dalam kajian ini adalah memandangkan program di daerah ini paling sedang giat dijalankan berbanding dengan lokasi di daerah lain yang rata-rata telah siap dan ada sesetengah daerah yang masih dalam peringkat perbincangan antara pihak kementerian, IPT dan komuniti yang terlibat. Sehubungan itu, pengkaji mendapati lokasi ini perlu dijalankan kajian dengan kadar

yang seberapa segera memandangkan tempoh pengajian adalah semakin terbatas. Tambahan pula, pengkaji menghadapi bulan September (bulan Ramadhan) di mana pada bulan ini sebarang program direhatkan buat sementara waktu dan akan disambung semula pada bulan Oktober.

Dapatan pada daerah lain adalah rendah juga adalah dipengaruhi oleh pengedaran borang soal selidik di kalangan peserta yang telah tamat program dan pengkaji terpaksa membuat susulan di ketiga-tiga IPTA terbabit. Usaha menjejaki mereka adalah agak sukar dan peratusan bagi mewakili daerah-daerah lain adalah sedikit iaitu bagi daerah Klang (2%), Kuala Selangor (3%) dan Sabak Bernam (10%).

Manakala jika dianalisa berdasarkan IPTA, majoriti (44%) responden adalah daripada UIAM Gombak berbanding responden daripada UiTM (38%) dan UM (18%). Penglibatan pelajar daripada UIAM di dapati mengatasi pembabitan pelajar dari UM dan UiTM adalah memandangkan jumlah kehadiran peserta bagi satu-satu program adalah tidak memenuhi jumlah asal melainkan UIAM. Jumlah kehadiran peserta sepatutnya adalah seramai 40 orang namun pada hari pelaksanaan program, hanya sebahagian sahaja yang dapat hadir mengikuti program ini sepenuhnya. Kajian yang dilakukan oleh IPPBM di Kementerian Belia dan Sukan terhadap program Rakan Muda Wawasan Desa pada 2006 menunjukkan purata jumlah kehadiran peserta program adalah seramai 36 orang sahaja daripada jumlah sepatutnya yang hadir. Ini membuktikan bahawa disiplin di kalangan pelajar adalah rendah. Pihak IPTA dengan kerjasama kementerian perlu mencari formula yang sesuai untuk mendapat kerjasama daripada pelajar-pelajar di dalam memenuhi aktiviti-aktiviti di kampus. Usaha murni ini adalah sebahagian daripada usaha mencorakkan generasi muda yang kelak akan mewarisi kepimpinan negara.

Jadual 4: Profil Responden (N = 115)

Profil	Kekerapan	Peratus
Jantina		
Lelaki	54	47
Perempuan	61	53
Umur		
18 - 20	43	37
21 - 23	72	63
Bangsa		
Melayu	115	100
Daerah		
Hulu Langat	49	42

Petaling	21	18
Sepang	15	13
Kuala Langat	14	12
Sabak Bernam	12	10
Kuala Selangor	3	3
Klang	1	2
IPT penganjur		
UM	21	18
UIAM	51	44
UiTM	43	38

Kaedah promosi program Rakan Muda Wawasan Desa

Kajian mendapati (Jadual 5) bahawa kawan-kawan memainkan peranan penting dalam menarik minat pelajar mengikuti program ini. Kajian membuktikan bahawa 90 peratus responden yang mengikuti program ini adalah bermula daripada tarikan dan pengaruh kawan-kawan berbanding pengaruh media komunikasi yang lain iaitu banner/banting /poster (40%), papan kenyataan persatuan (30%), Email/blog (17%) dan lain-lain medium penyebaran maklumat (7 %).

Dapatan yang serupa diperolehi menerusi kajian bertajuk Analisis Pasca Pilihan Raya 2008: Pandangan Generasi Muda yang mendapati faktor maklumat daripada kawan-kawan 67 peratus menjadi faktor kemenangan pihak pembangkang. Ternyata bahawa walaupun teknologi membawa pelbagai medium penyebaran maklumat, namun kawan-kawan tetap menjadi pengaruh yang berkuasa di dalam menarik minat sesuatu golongan.

Jadual 5: Kaedah Promosi Program (N=115)

Kaedah promosi	Peratus	
	Ya	Tidak
Kawan-kawan	90	10
Banner/banting/poster	40	60
Papan kenyataan persatuan	30	70
Email/Blog	17	83
Lain-lain	7	93

Kualiti hubungan antara peserta dan komuniti

Berdasarkan dapatan kajian (Jadual 6), pengkaji mendapati peserta berjaya mewujudkan kualiti hubungan yang tinggi (76%) dengan berjaya menempatkan diri di kalangan komuniti di mana mereka menjalankan aktiviti ini. Kualiti hubungan menurut Morgan & Hunt (1994) di dalam Wong dan Sohal (2002), adalah merupakan transaksi yang mewujudkan perkongsian hubungan melalui kepercayaan dan komitmen di kalangan dua pihak. Sehubungan itu, kajian ini membuktikan bahawa

saling kepercayaan dan komitmen yang tinggi telah wujud sewaktu program ini dilaksanakan. Malah, kedua-dua pihak (peserta dan komuniti) berharapan besar agar kepercayaan dan komitmen ini akan berkekalan sekali pun program ini hanya berlangsung selama tiga hari dua malam.

Jadual 6: Kualiti Hubungan Peserta Dengan Komuniti (N=115)

	Kekerapan	Peratus
Tinggi (30-40)	88	76
Sederhana (19-29)	24	21
Rendah (8 – 18)	3	3

Keperluan latihan belia

Hasil kajian (Jadual 7) menunjukkan belia Malaysia memerlukan dua kompetensi utama sebagai persiapan menjadi seorang belia yang mempunyai boleh mengharungi pelbagai cabaran pada zaman dewasa kelak iaitu kompetensi personal/sosial (3.50) dan kompetensi Semangat patriotisme (3.51). Ini dibuktikan dengan dapatan kajian yang mendapati skor keperluan belia berada pada paras PERLU (3.50 – 4.49). Walaupun begitu, ini tidak bermakna bahawa kompetensi lain perlu diabaikan. Hal ini adalah memandangkan kompetensi kesihatan/fizikal (3.43), kompetensi pengetahuan/penaakulan/kreativiti (3.45) berada pada paras AGAK PERLU (2.50 – 3.49). Sekali pun kompetensi vokasional (3.28) menunjukkan skor yang paling rendah, namun ia masih lagi berada di dalam lingkuan skor AGAK PERLU.

Bagi melahirkan belia Malaysia yang kompetitif, kelima-lima kompetensi ini perlu diterapkan dalam program-program pembangunan belia di Kementerian Belia dan Sukan khususnya dan kementerian-kementerian lain, NGO's dan individu perseorangan bagi menjayakan matlamat pembangunan modal berteraskan insan.

Jadual 7: Keperluan Latihan Belia (N=115)

	Kepentingan				Kepuasan				* Skor Keperluan
	Min	Max	Purata	Sp	Min	Max	Purata	Sp	
Kesihatan/fizikal	1	5	4.03	.771	1	5	2.83	1.141	3.43
Personal/sosial	2	5	4.17	.670	1	5	2.82	1.289	3.50
Pengetahuan/penaakulan / kreativiti	2	5	4.14	.726	1	5	2.76	1.381	3.45
Vokasional	1	5	3.64	.744	1	5	2.92	1.083	3.28
Patriotisme	2	5	4.20	.736	1	5	2.81	1.443	3.51

* Skala Skor Keperluan

1.0 – 1.49	= Sangat Tidak Perlu
1.5 – 2.49	= Tidak Perlu
2.5 – 3.49	= Agak perlu
3.5 – 4.49	= Perlu
4.5 – 5.0	= Sangat perlu

Pengaruh gender

Berdasarkan Ujian –T yang dijalankan ke atas setiap kompetensi ke atas jantina, kajian mendapati faktor jantina tidak menunjukkan signifikan mewujudkan keperluan latihan yang berbeza di antara jantina lelaki dan perempuan. Kajian membuktikan bahawa (Jadual 8-12) tiada perbezaan kompetensi keperluan latihan belia jika dibandingkan mengikut perspektif jantina. Sama ada lelaki atau perempuan menunjukkan tiada perbezaan signifikan terhadap keperluan kompetensi belia mengikut gender. Ini bermakna latihan di Kementerian Belia dan Sukan perlu sama rata tanpa rasa *bias* kepada mana-mana gender. Di sini membuktikan bahawa isu gender bukanlah penghalang kepada sesuatu jantina untuk maju dan menerajui pemerintahan negara.

Jadual 8: Perbandingan Tahap Keperluan Kompetensi Kesihatan/Fizikal Mengikut Gender (N=115)

Jantina	Bilangan	Purata	Nilai t	Nilai Sig. (p)
Lelaki	54	1.96	-.990	.324
Perempuan	61	2.11		

* p < 0.05 adalah signifikan

Jadual 9: Perbandingan Tahap Keperluan Kompetensi Personal/Sosial Mengikut Gender (N=115)

Jantina	Bilangan	Purata	Nilai t	Nilai Sig. (p)
Lelaki	54	2.11	.982	.328
Perempuan	61	1.95		

* p < 0.05 adalah signifikan

Jadual 10: Perbandingan Tahap Keperluan Kompetensi Pengetahuan/penaakulan/kreativiti Mengikut Gender (N=115)

Jantina	Bilangan	Purata	Nilai t	Nilai Sig. (p)
Lelaki	54	2.20	1.445	.151
Perempuan	61	1.97		

* p < 0.05 adalah signifikan

Jadual 11: Perbandingan Tahap Keperluan Kompetensi Vokasional Mengikut Gender (N=115)

Jantina	Bilangan	Purata	Nilai t	Nilai Sig. (p)
Lelaki	54	2.13	1.340	.183
Perempuan	61	1.92		

* p < 0.05 adalah signifikan

Jadual 12: Perbandingan Tahap Keperluan Kompetensi Semangat Patriotisme Mengikut Gender (N=115)

Jantina	Bilangan	Purata	Nilai t	Nilai Sig. (p)
Lelaki	54	2.11	1.671	.097
Perempuan	61	1.84		

* $p < 0.05$ adalah signifikan

RUMUSAN

Kesimpulan Hasil Kajian

Secara keseluruhannya, program Rakan Muda Wawasan Desa (RMWD) telah mengaplikasikan latihan yang berupaya membentuk kompetensi diri belia. Namun kajian ini membuktikan bahawa program latihan sedia ada kurang memberangsangkan di dalam melahirkan belia yang serba berkebolehan dalam semua perspektif kehidupan.

Sehubungan itu, pihak pelaksana dan perancangan dasar di Kementerian Belia dan Sukan sewajarnya menggunakan dapatan kajian ini bagi melahirkan belia yang kompetitif dan boleh menyumbang kepada pembangunan generasi belia pada masa akan datang.

Apa yang kita perlu adalah anjakan paradigma untuk menangani pembangunan modal insan di kalangan generasi belia. Selaras dengan ciri dan gaya hidup belia pada hari ini, adalah penting bagi kita menggunakan pendekatan bersepadu yang menekankan program yang bersifat pendedahan kompetensi kepada belia negara. Matlamatnya adalah satu iaitu memberikan peluang yang adil dan tepat bagi memastikan modal insan belia dimanfaatkan sepenuhnya bagi mengisi wawasan dan misi negara.

Cadangan dan Implikasi

Program latihan serupa ini adalah diharapkan akan membantu pembangunan belia secara menyeluruh. Al-Zawie, (1991) di dalam Aghaia, A.A. (2002) mengatakan bahawa latihan bermaksud persediaan dan melayakkan seseorang dengan menyediakan mereka kemahiran dan pengetahuan yang bersesuaian. Melalui kemahiran ini mereka boleh memperbaiki sikap seterusnya menyumbang kepada kualiti dan produktiviti ke arah mencapai matlamat pembangunan yang direncanakan.

Kajian ini memberi panduan kepada pelaksana dan perancangan dasar agar memberikan peluang yang sam rata kepada jantina lelaki dan perempuan. Kedua-dua jantina memerlukan kemahiran, kebolehan dan ilmu pengetahuan yang sama rata dalam pelbagai dimensi kehidupan. Kompetensi ini akan panduan dan pengalaman kepada mereka untuk menyesuaikan diri dengan keadaan dan persekitaran setelah mereka memasuki pasaran tenaga kerja pada suatu masa kelak.

Tepat pada waktunya, pembangunan generasi belia mestilah mempunyai kecekapan di dalam membuat pengukuran yang mana satu perlu didahulukan di dalam merencanakan program pembangunan belia. Tidak salah bagi penggubal dasar dan pelaksana program untuk memberikan penekanan di dalam memberikan keperluan latihan yang tepat kepada generasi belia. Salah satu kriteria kecekapan adalah dengan memaksimumkan pengetahuan, kemahiran dan nilai yang perlu ada pada seseorang individu di dalam menjayakan hasrat pembangunan berteraskan insan. Dengan kata lain, profesionalisme di kalangan generasi belia adalah berteraskan kepada kompetensi yang dikuasai oleh generasi belia dalam melaksanakan peranan dan tanggungjawab dalam era pembangunan belia di Malaysia.

Sehubungan itu, adalah disarankan agar Kementerian Belia dan Sukan Malaysia merangka modul keperluan latihan yang menekankan aspek lima elemen kompetensi ini secara bersepadu dan menyeluruh untuk digunapakai oleh semua bahagian di kementerian. Sesungguhnya pelaburan modal insan memerlukan perubahan daripada acuan yang sama kepada acuan yang berbeza dengan harapan membawa perubahan yang boleh membuatkan generasi kini berbangga dengan rekaan yang dibinanya pada hari ini.

Cadangan untuk Kajian Akan Datang

Kajian ini hanya menyentuh tentang keperluan latihan belia yang sewajarnya tertumpu kepada lima elemen sahaja. Adalah disarankan agar kajian pada masa akan datang akan menyentuh secara meluas tentang impak kompetensi ini kepada belia dari segi sumbangan di dalam arena pekerjaan. Ini adalah kerana keperluan kompetensi ini sudah pastilah bersandaran kepada kesedaran mereka terhadap keperluan di dalam menyiapkan diri dengan alam pekerjaan setelah menamatkan pengajian di pusat-pusat pengajian tinggi. Sumbangan kajian ini kelak akan menyokong sama ada kompetensi ini masih efektif seiring dengan tuntutan semasa.

Hal ini adalah memandangkan elemen kompetensi adalah berkait rapat dengan potensi diri (person performance) sepertimana pandangan Strebler et. al (1997) di dalam Hoffman, T. (1999) mengatakan bahawa fokus terhadap potensi diri individu adalah sama ada mereka mencapai kompetensi mengikut standard yang ditetapkan. Justeru, organisasi juga disarankan agar menjalankan kajian yang melibatkan belia yang pernah mengikuti program latihan di kementerian bagi melihat impak latihan tersebut terhadap kualiti dan kepuasan mereka di dalam kerjaya. Ternyata bahawa kompetensi adalah berkait rapat dalam memperbaiki potensi diri bukan sahaja khusus kepada belia tetapi dari sudut dunia kerjaya.

RUJUKAN

- Aghaia, A. A. 2002. *Assessment of management training needs and selection for training: The case of Libyan companies*. Artikel retrieve pada Julai 2, 2008 daripada <http://www.emeraldinsight.com>.
- Babbie, E. 2001. *The practice of social research*. 9 Ed. Wadsworth. Belmont. USA.
- Baze More dan Terry. 2001. *Leadership and youth development*. Dalam OJJDP Model Programme Guide. Artikel retrieve pada Julai 2, 2008 daripada <http://www.dsgonline.com>.
- Caplan et al., 1992. *Background for community-level work on social competency in adolescence: reviewing the literature on contributing factors*. Di dalam Elizabeth C. et al. (2001). Artikel retrieve pada Julai 22, 2008 daripada http://www.childtrends.org/what_works/youth_development/doc/social.pdf
- Dane County Department. 2008. *A Charter on competency development: helping youth realize their potential*. Artikel retrieve pada Julai 2, 2008 daripada <http://www.danecountyhumanservices.org>.
- Dasar Pembangunan Belia Negara. 1997. Kementerian Belia dan Sukan Malaysia.
- Griffin, C. 1997. *Representations of the young*. Dalam Samsudin A. Rahim. Media dan Generasi Muda. Institut Penyelidikan Pembangunan Belia Malaysia (Youth Research).
- Goldstein dan Pollock. 1988. *Social skills group assessment questionnaire*. Artikel retrieve pada Julai 22, 2008 daripada <http://www.user.globalnet.co.uk>.
- Harison B.M. 2003. *Making the connection: training youth development staff*. Artikel retrieve pada Julai 2, 2008 daripada <http://www.cprs.org.membersonly/BenchmarkYouthDev.pdf>.
- Hoffmann, T. 1999. *The meaning of competency*. *Journal of European Industrial Training*. 275-285.
- Indeks Belia Malaysia. 2006. Institut Penyelidikan Pembangunan Belia Malaysia. Kementerian Belia dan Sukan.
- Indeks Belia Malaysia. 2008. Institut Penyelidikan Pembangunan Belia Malaysia. Kementerian Belia dan Sukan.

- In The Minds of Young Malaysia website. *Attitude of chinese youth towards politic*. Article retrieve pada Julai 20, 2008 at <http://youngmalaysians.wordpress>.
- Institut Penyelidikan Pembangunan Belia Malaysia(IPPBM). 2005. *Kajian had umur pemimpin dan ahli persatuan belia*. Kementerian Belia dan Sukan.
- Jabatan Perangkaan Malaysia Mengikut Banci Penduduk. 2000. Jabatan Perangkaan Malaysia.
- Jabatan Perangkaan Malaysia 2006. Jabatan Statistik Negara.
- Jabatan Statistik. *Enrolmen pelajar di ipta mengikut tahap pengajian dan gender tahun 2007*. Kementerian Pengajian Tinggi. http://www.mohe.gov.my/web_statistik/statistik_pdf_2008_05
- Jauhari Sukandar. 1993. *Comparative approaches in developing inventory of roles and communication skills for training needs assessment of front line extention clerk*. Tesis Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi, Universiti Putra Malaysia.
- Jordan, J. C dan Norman, M. 2006. *Reviewing youth development principles*. Artikel retrieval pada Julai 5, 2008 di dalam <http://edis.ifas.ufl.edu>.
- Krejcie, R.V. dan Morgan D.W. 1970. *Determining sample size for research activities*. Articles retrieved on April 5, 2008 at <http://www.usd.edu>.
- Kusy, M.E. dan Rouda, R.H. 1995. *Needs assessment. development of human resources*. Article retrieve pada Julai 5, 2008 di dalam <http://www.alumnus.caltec.edu>.
- National Postsecondary Education Cooperative (NPEC). 2002. *Defining and assessing learning: exploring competency-bases initiative*. Article retrieve pada Julai 20, 2008 di dalam <http://www.nces.ed.gov>.
- Purta, J. T dan Lopez, S. V. 2006. *Developing citizenship competencies from kindergarden through grade 12: Knowledge, Skills and dispositions*. National Center for Learning and Citizenship.
- Rancangan Malaysia kesembilan (2006-2010). Jabatan Perdana Menteri Malaysia.
- Richard, L. 2005. *Social competency*. Article retrieve pada Julai 22, 2008 at <http://www.onlineparadigm.com>.
- Rouda, R.H. 1995. *Needs assessment: the first step*. Article retrieve pada Julai 5, 2008 at <http://www.alumnus.caltec.edu>.

- Samsudin A. Rahim, et. Al. 2008. *Analisis Pasca Pilihan Raya 2008: Pandangan Generasi Muda*. Institut Penyelidikan Pembangunan Belia Malaysia (IPPBm). Kementerian Belia dan Sukan Malaysia.
- Samsudin A. Rahim. 2008. *Media dan Generasi Muda*. Institut Penyelidikan Pembangunan Belia Malaysia (IPPBm). Kementerian Belia dan Sukan Malaysia.
- Samsudin A. Rahim et. al. 2007. *Fakta Belia Malaysia*. Institut Penyelidikan Pembangunan Belia Malaysia (IPPBm), Kementerian Belia dan Sukan Malaysia.
- Samsudin A. Rahim et. Al. 2006. *Indeks Belia Malaysia (IBM)*. Institut Penyelidikan Pembangunan Belia Malaysia. Kementerian Belia dan Sukan Malaysia.
- Sidek. Mohd. Noh. 1992. *Reka bentuk penyelidikan: Falsafah, teori dan praktis*. Serdang: Universiti Putra Malaysia.
- Wong, A. dan Sohal, A. 2002. *An examination of the relationship between trust, commitment and relation quality*. Article retrieve pada Julai 20, 2008 di dalam <http://www.emeraldinsight.com>..
- World Youth Report. 2006. United Nation Educational, *Scientific and Cultural Organization*.
- World Youth Report. 2006. *Commonwelth Youth Programme, Strategic Plan, 2003-2006*.

Profil Penulis

Ezhar Tamam, PhD
Jabatan Komunikasi
Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi
Universiti Putra Malaysia

Shariffah Mamat
Institut Penyelidikan Pembangunan Belia Malaysia
Kementerian Belia dan Sukan
shariffah@ippbm.gov.my